



Volume 6(1), Maret 2018

ISSN 2302-5808 (Print)

Contents

Foreword. [ii]

HAJI AWANG ASBOL BIN HAJI MAIL, HAJI RAMLEE BIN HAJI TINKONG & NUR SYAZWANI BINTI HAJI MD SUIF,

The Issue of Justice and Injustice in Malacca Sultanate, 1400 – 1511 AD. [1-26]

M. DIEN MADJID,

Terpisah namun Terhubung: Orang Melayu Menghadapi Kolonialis Eropa di Melayu Nusantara pada Abad XIX. [27-42]

PHILIP BEGINDA & BILCHER BALA,

Pengaruh Demografi terhadap Perubahan Sosio-Politik Orang Iban di Sarawak. [43-60]

JOHN AIYEDOGBON, HELEN A. ANDOW & BRIGHT O. OHWOFASA,

Empirical Analysis of Trade Liberalization and Economic Growth in Nigeria, 1980-2013. [61-72]

ANDI SUWIRTA,

Pers dan Kritik Sosial pada Masa Orde Baru: Peristiwa MALARI Tahun 1974 dalam Pandangan Surat Kabar Merdeka dan Indonesia Raya di Jakarta. [73-98]

Info-susurgalur-edutainment. [99-108]

SUSURGALUR: Jurnal Kajian Sejarah & Pendidikan Sejarah (Journal of History Education & Historical Studies) will provide a peer-reviewed forum for the publication of thought-leadership articles, briefings, discussion, applied research, case and comparative studies, expert comment and analysis on the key issues surrounding the history education and historical studies in general and its various aspects. Analysis will be practical and rigorous in nature. The SUSURGALUR journal, with print ISSN 2302-5808, was firstly published on March 24, 2013, in the context to commemorate the BLA (Bandung Lautan Api or Bandung a Sea of Flames)'s Day in Indonesia. Since issue of September 2013 to date, the SUSURGALUR journal has jointly been organized by the Lecturers of APB UBD (Academy of Brunei Studies, University of Brunei Darussalam) and the Lecturers of International and Historical Study Program FASS (Faculty of Arts and Social Sciences) UBD in Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam; and published by Minda Masagi Press owned by ASPENSI (the Association of Indonesian Scholars of History Education) in Bandung, West Java, Indonesia. This journal is published twice a year i.e. every March and September. Available online also at: www.journals.mindamas.com/index.php/susurgalur

FOREWORD



Dalam melakar sejarah sesebuah negara, setiap pemimpin mempunyai bakti dan jasa semasa memegang tampuk pemerintahan. Ada pemimpin berjasa dari membebaskan negaranya dari kuasa penjajah; dan ada pula pemimpin yang berjasa dalam membangun negara, hingga rakyatnya memperoleh kesejahteraan dan kemakmuran hidup. Dalam konteks Negara Brunei Darussalam, peranan dan bakti setiap Sultan yang menerajui pemerintahan tidak boleh dialphakan. Dari meluaskan empayar hinggalah pencapaian kemerdekaan, memang tercatat dalam fakta sejarah negara ini.

Tidak ada satu bangsa pun yang terus kekal gemilang, tanpa melalui hari-hari senjanya yang sering meruntun wahana pemikiran warga Brunei. Namun, semua ini menjadi sesuatu yang kekal dan terpahat dalam rakaman sejarah. Pentafsiran dan penstrukturan jalan sejarah mungkin boleh berubah, namun fakta sejarah mengenai bangun dan jatuhnya sebuah bangsa tidak mungkin berubah. Oleh yang demikian, sejarah setiap negara sudah sewajarnya dicatatkan dan direkodkan agar fakta sejarah yang ada dapat diambil iktibar dan pengajaran kepada generasi demi generasi. Darinyalah mewujudkan motivasi dan semangat jati diri yang amat penting dalam peranan mempertahankan kesinambungan bangsa dan negara.

Bagi Negara Brunei Darussalam, yang bertunjangkan sistem pemerintahan MIB (Melayu Islam Beraja), salah satu peristiwa penting dalam rakaman sejarahnya ialah pencapaian kemerdekaan. Dalam lidah dan ukiran fakta sejarah, Negara Brunei Darussalam boleh dikatakan sudah pernah mengalami empat kali pencapaian kemerdekaan. Pertama sekali pada abad ke-14, apabila Brunei berjaya membebaskan dirinya daripada penguasaan Majapahit dari Jawa Timur, Indonesia. Kedua, pada akhir abad ke-16, apabila angkatan Sepanyol berjaya ditewaskan oleh pahlawan Brunei, setelah mendudukinya selama 72 hari. Ketiga, merdeka selepas Jepun menduduki negara pada tahun 1945. Kali terakhir apabila negara kita berhasil meraih kemerdekaan dari British pada tahun 1984.

Perkara seperti itu, jika tidak dikaji oleh para sejarawan, maka rata-rata masyarakat Brunei beranggapan bahawa kemerdekaan Brunei pada tahun 1984 adalah kemerdekaan pertama. Di sinilah pentingnya sejarah kepada bangsa dan negara. Pencapaian kemerdekaan kali keempat ini sudah sewajarnya dirista, kerana untuk mencapai kemerdekaan bukan sesuatu yang mudah. Tiga pencapaian kemerdekaan terdahulu memerlukan pengorbanan nyawa dan harta benda, manakala yang keempat – meskipun tidak memerlukan korban seperti tersebut di atas – memerlukan kebijaksanaan dan kepintaran dalam bentuk diplomasi dan percaturan politik.

Strategi seperti ini juga boleh dianggap sebagai pengorbanan yang tidak boleh dilihat dengan mata kasar, tetapi dalam bentuk abstrak yang didasari oleh tekanan psikologi dan emosi yang menghendaki kesabaran dan ketabahan. Dalam hal ini, tidak boleh dilupakan jasa dua orang Sultan katani, iaitu Sultan Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan yang ke-28 (1950–1967) dan KDYMM (Kebawah Duli Yang Maha Mulia) Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam, yang dengan penuh berhimah, bak kata pepatah Melayu, "bagai menarik rambut dalam tepung", pada akhirnya membolehkan negara kita mengembalikan semua kedaulatan penuh dalam suasana penuh harmoni, tanpa menagih korban jiwa.

Oleh itu, kajian sejarah setiap bangsa dan negara, termasuk Negara Brunei Darussalam, sudah sepatutnya tidak akan meletakkan tinta noktah, bahkan ia sewajarnya disambung dan diteruskan dari masa ke semasa. Bagaimanapun, menjelang abad ke-21, kajian dan penulisan sejarah di negara ini kurang berkembang, kerana ketiadaan minat pengkaji tempatan untuk melakukannya. Apakah akan berulang lagi kajian negara ini didominasi oleh pengkaji luar, sebagaimana berlaku di masa lalu, yang akan lahir tulisan tidak berjejak dan berakar umbi kepada budaya dan identiti Brunei?

Yang menyedihkan lagi adalah graduan-graduan sejarah sendiri tidak menggunakan pengalaman dan pengetahuan yang mereka timba di menara gading untuk sama-sama menyemerakkan penulisan dan kajian sejarah Brunei. Sedangkan masih banyak khazanah sejarah Negara Brunei Darussalam yang perlu diterokai. Kajian-kajian yang berterusan dan melahirkan pensejarahan Brunei sudah seharusnya dilakukan, bukan saja untuk kepentingan wacana ilmu pengetahuan, tetapi juga bagi diketahui oleh setiap lapisan masyarakat di negara ini, yang akhirnya mendatangkan faedah kepada pembangunan Negara Brunei Darussalam secara holistik.

Sejarah tidak pernah berbohong, bahkan sentiasa memandu manusia supaya tidak melakukan kesilapan lalu. Jangan sampai dipetuk ular kali kedua pada lubang yang sama. Itulah hakikat, iktibar, dan pengajaran daripada ilmu sejarah yang sebenar. Sepertimana ditunjukkan oleh artikel-artikel dalam jurnal SUSURGALUR, isu Mac 2018 kali ini, ianya juga banyak memberikan wawasan dan pengajaran sejarah yang kaya dan pelbagai dari mana-mana negara. Tahniah dan syabas, bah.

Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: 30hb Mac 2018.

Prof. Madya Dr. Haji Awang Asbol bin Haji Mail

Timbalan Pengetua Sidang Pengarang Jurnal SUSURGALUR di Bandung, Indonesia;
dan Pensyarah di Jabatan Sejarah dan Antarabangsa FASS UBD (Fakulti Sastera dan Sains Sosial,
Universiti Brunei Darussalam).